




**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN
RANG UNDANG-UNDANG KEBEBASAN
MAKLUMAT (NEGERI SELANGOR)
2010**



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN
RANG UNDANG-UNDANG KEBEBASAN
MAKLUMAT (NEGERI SELANGOR)
2010**

1. LATAR BELAKANG

- 1.1. Pada Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Persidangan Dewan Negeri Selangor Kedua Belas, Usul No. 4 Tahun 2010 iaitu Usul Menyerahkan Rang Undang-Undang Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2010 kepada Jawatankuasa Pilihan telah diluluskan di Dewan pada 14 Julai 2010 yang lalu.
- 1.2. Sehubungan dengan itu, satu Jawatankuasa Pilihan yang dinamakan Jawatankuasa Pilihan Rang Undang-Undang Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2010 telah ditubuhkan menurut Peraturan 54, Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor.
- 1.3. Tujuan Jawatankuasa ini ditubuhkan adalah untuk mengkaji Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2010 secara menyeluruh sebelum rang undang-undang tersebut di bawa ke peringkat seterusnya.

2. AHLI JAWATANKUASA

2.1 Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik di dalam Dewan untuk menganggotai Jawatankuasa Pilihan Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2010:

- | | | | |
|----|---|---|-----------|
| 1. | Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | - | Pengerusi |
| 2. | Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
(ADN Kawasan Seri Setia) | - | Ahli |
| 3. | Y.B. Tuan Amiruddin bin Shari
(ADN Kawasan Batu Caves) | - | Ahli |
| 4. | Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan
(ADN Kawasan Subang Jaya) | - | Ahli |
| 5. | Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
(ADN Kawasan Sijangkang) | - | Ahli |

- | | | | |
|----|--|---|------|
| 6. | Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor
(ADN Kawasan Tanjung Sepat) | - | Ahli |
| 7. | Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus
(ADN Kawasan Kuang) | - | Ahli |

3. PERKARA YANG INGIN DIMAKLUMKAN

3.1 Jawatankuasa Pilihan Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2010 telah mengadakan beberapa sesi mesyuarat bagi mengenal pasti hala tuju dan rangka kerja Jawatankuasa bagi memastikan hasrat Rang Undang-undang ini terlaksana. Sehingga 31 Oktober 2010, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali iaitu;

- i. Mesyuarat Bil.1/2010 pada 29 Julai 2010
- ii. Mesyuarat Bil.2/2010 pada 25 Ogos 2010
- iii. Mesyuarat Bil.3/2010 pada 30 September 2010
- iv. Mesyuarat Bil.4/2010 pada 20 Oktober 2010

3.2 Rangka kerja Jawatankuasa Pilihan Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2010 yang telah dipersetujui adalah seperti berikut:

- i. **Peringkat Pertama:** Draf awal rang undang-undang dibincangkan pada sesi maklum balas awam dan rundingan meja bulat bersama NGO-NGO, kumpulan-kumpulan penyelidik, tokoh-tokoh akademik dan pengamal undang-undang. Hasil perbincangan didokumenkan sebagai draf awal ke arah mewujudkan draf pindaan pertama.
- ii. **Peringkat Kedua:** Draf pindaan pertama dibincangkan di dalam sesi bersama para pelaksana di kalangan pegawai-pegawai jabatan-jabatan kerajaan, majlis-majlis tempatan dan anak-anak syarikat kerajaan. Hasil maklum balas disesuaikan seterusnya draf pindaan kedua disediakan.

- iii. **Peringkat Ketiga:** Draf pindaan ketiga dimaklumkan dan dibincangkan pada peringkat orang awam. Proses ini berperanan sebagai satu pendedahan kepada orang ramai mengenai kewujudan dan tujuan rang undang-undang ini diadakan.

3.3 Selaras dengan tujuan penubuhannya untuk mendapatkan maklum balas secara menyeluruh daripada pelbagai pihak, Jawatankuasa Pilihan Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2010 telah mengadakan beberapa sesi maklum balas awam secara terbuka. Antaranya tiga (3) sesi maklumbalas diadakan dengan menjemput badan-badan bukan Kerajaan (NGO) yang mewakili pelbagai sektor seperti NGO keagamaan, perubatan, pendidikan, kumpulan-kumpulan profesional dan juga media.

3.3.1. Maklum Balas Awam Bil.1/2010 pada 12 Ogos 2010

Jawatankuasa Pilihan Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2010 telah menjemput badan-badan bukan Kerajaan seperti berikut:

- i. Majlis Peguam Malaysia
- ii. Pusat Kewartawanan Bebas (CIJ)
- iii. Malaysian Trade Union Congress
- iv. National Journalists of Malaysia (NUJ)
- v. SUARAM
- vi. Friends of Kota Damansara

3.3.2. Maklum Balas Awam Bil.2/2010 pada 27 September 2010

Jawatankuasa Pilihan Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2010 telah menjemput badan-badan bukan Kerajaan seperti berikut:

- i. Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh Dan Tao (MCCBCHST)

- ii. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
- iii. Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM)
- iv. Persatuan Ulama Malaysia
- v. Persatuan Perubatan Islam Malaysia (PPIM)
- vi. Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM)
- vii. Muslim Professional Forum (MPF)
- viii. Islamic Renaissance Front (IRF)
- ix. Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM)
- x. Malaysian Medical Association (MAA)
- xi. Institute of Engineers Malaysia (IEM)
- xii. Malaysian Nature Society (MNS)
- xiii. Majlis Permuafakatan Pendidikan Islam Selangor (MAPPIS)
- xiv. Transparency International Malaysia

3.3.3. Maklum Balas Awam Bil.3/2010 pada 28 September 2010

Jawatankuasa Pilihan Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2010 telah menjemput badan-badan bukan Kerajaan seperti berikut:

- i. Jaringan Kampung Orang Asli Semenanjung Malaysia (JKOASM)
- ii. FOMCA
- iii. Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM)
- iv. Gerakan Mansuhkan PPSMI (GMP)
- v. Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN)
- vi. Kumpulan Aktivis Malaysia Independent (KAMI)
- vii. Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat

- viii. Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia
- ix. Kesatuan Kebangsaan Guru-guru Sekolah Tamil Malaya
- x. Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Selangor
- xi. Dewan Perindustrian dan Perdagangan India Selangor
- xii. Dewan Perindustrian dan Perdagangan Cina, Selangor dan Kuala Lumpur

3.4. Jawatankuasa turut memainkan peranan untuk mendapatkan maklumbalas awam di pihak pelaksana Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2010 ini kelak. Oleh itu, satu sesi maklumbalas telah di aturkan seperti berikut:

3.4.1. Maklum Balas Awam Bil.4/2010 pada 13 Oktober 2010

Pada sesi maklum balas ini, Jawatankuasa Pilihan Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2010 menjemput wakil-wakil berikut:

- i. Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Negeri Selangor;
- ii. Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor;
- iii. Semua Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor
- iv. Badan-badan Berkanun Negeri Selangor; dan
- v. Anak-anak Syarikat Negeri Selangor.

3.5. Jawatankuasa juga mengadakan beberapa sesi rundingan meja bulat secara tertutup dan telah memanggil kumpulan-kumpulan pengkaji atau kumpulan 'think tank'. Tidak dilupakan juga individu-individu profesional seperti peguam dan pensyarah yang menjurus kepada bidang yang berkaitan untuk berkongsi pandangan dan cadangan-cadangan. Sesi rundingan meja bulat tersebut adalah seperti berikut:

3.5.1. Rundingan Meja Bulat Bil.1/2010 pada 29 September 2010
(sesi pagi)

- i. Institut Kajian Dasar (IKD)
- ii. IDEAS (Saya Anak Bangsa Malaysia)
- iii. The Centre for Public Policy Studies (CPPS)
- iv. Institute of Strategic & International Studies (ISIS) Malaysia
- v. Research for Social Advancement (REFSA)
- vi. Institut Perkembangan Minda (INMIND)

3.5.2. Rundingan Meja Bulat Bil.2/2010 pada 29 September 2010
(sesi petang)

- i. Parti Keadilan Rakyat Selangor (PKR)
- ii. Democratic Action Party Selangor (DAP)
- iii. PAS Selangor
- iv. Parti Sosialis Malaysia (PSM)
- v. UMNO Selangor
- vi. MCA Selangor
- vii. MIC Selangor

3.5.3. Rundingan Meja Bulat Bil.3/2010 pada 30 September 2010

- i. Y.Bhg. Prof. Abu Bakar Munir
- ii. Y. Bhg. Prof. Dr. Abdul Aziz Bari
- iii. Y.Bhg. En Tommy Thomas
- iv. Y.B. Tuan Sivarasa a/l Rasiah
- v. Y.Bhg. Dr. Wong Chin Huat
- vi. Y.Bhg. Dr. Mustafa K Anuar
- vii. Y.Bhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi

- viii. Mr. Edmund Bon
- ix. Tuan Haris Ibrahim

- 3.6. Bagi membantu mendrafkan cadangan pindaan terhadap rang undang-undang asal, Jawatankuasa Pilihan Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2010 bercadang melantik Tetuan Andrew Khoo and Daniel Lo dan telah melantik Tetuan Fahda Nur & Yusmadi untuk bersama Jawatankuasa ini bagi meneliti rang undang-undang tersebut fasal demi fasal.
- 3.7. Untuk tujuan mendapatkan pandangan yang lebih menyeluruh, Jawatankuasa Pilihan Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2010 turut bercadang:
- 3.7.1. Mengadakan pertemuan dan maklumbalas daripada wakil-wakil Dewan Negeri dan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat dari Pulau Pinang, Kedah dan Kelantan; dan
 - 3.7.2. Mengadakan siri-siri jelajah turun ke kawasan-kawasan untuk menjelaskan dan mendapat maklumbalas daripada orang ramai.
- 3.8. Bagi mewujudkan keseimbangan pandangan, Jawatankuasa Pilihan Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2010 telah meminta penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri berhubung pendirian dan kesediaan Kerajaan Negeri Selangor dalam melaksanakan enakmen ini kelak dari segi:
- i. Pendedahan maklumat dan rahsia Kerajaan;
 - ii. Pelaksanaan enakmen ini dari segi latihan dan kakitangan;
 - iii. Peruntukan kewangan dalam pelaksanaan enakmen ini terutamanya jika sebuah suruhanjaya ditubuhkan.
- 3.10. Jawatankuasa sedang dalam proses penelitian, perbincangan dan pengemaskinian semua hasil maklum balas yang diterima pada semua sesi maklum balas dan perbincangan yang diadakan.

Penyata ini dikemukakan oleh Jawatankuasa Pilihan Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2010 bagi dibentangkan sebagai makluman kepada Dewan yang mulia ini.



HJ SAARI BIN SUNGIB
Pengerusi,
Jawatankuasa Pilihan
Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat
(Negeri Selangor) 2010

Oktober 2010

